

#MALAYSIABERSAMAMU

KUALA LUMPUR 2017  
SUKAN SEA KE-29  
SUKAN PARA ASEAN KE-9

[ FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD / BH ]



**Pemain Brunei**, Siti Nurul Nazihah Awg Hassan (kanan) berebut dengan pemain Malaysia pada perlawanan bola jaring di antara pasukan Malaysia dengan Brunei pada Sukan SEA Ke-29 di Kuala Lumpur, semalam.

# Buru kelebihan psikologi

➔ **Skuad bola jaring negara janji peraga aksi terbaik jumpa Singapura**

Oleh **Aida Adilah Mat**  
aida\_aidilah@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**B**iarpun ia perlawanan peringkat kelayakan untuk menentukan kedudukan ke separuh akhir, jurulatih bola jaring negara, Tracey Robinson tetap mahu anak buahnya memperagakan aksi terbaik ketika turun menentang Singapura di Stadium Juara, hari ini.

Tegasnya, setiap perlawanan adalah penting untuk memberi motivasi kepada pemain dalam usaha mereka merampas kembali pingat emas yang diraih Singapura, dua tahun lalu.

Malah kemenangan ke atas Singapura diyakini mampu memberi kelebihan psikologi awal seandainya bertemu juara bertahan itu dalam penentuan pingat emas.

Terdahulu, pasukan bola jaring negara beraksi cemerlang apabila

melakarkan kemenangan kedua pada pusingan kelayakan dengan membenam Brunei 64-27.

Norashikin Kamal Zaman yang beraksi di posisi GS (gol shooter) bijak menggunakan ketinggian yang dimiliki untuk menguasai kawasan D.

“Saya jadikan perlawanan hari ini untuk mengawal rasa gugup apabila turun bertemu Singapura esok (hari ini).

**Rentak konsisten**

“Ketinggian saya nyata memberi kelebihan untuk mudah mengawal bola di depan jaring, bagaimanapun cabaran sebenar akan bermula apabila kita bertemu Singapura nanti,” katanya.

Mengulas mengenai strategi berdepan musuh tradisi negara, Norashikin berkata, dia yakin dengan percaturan jurulatih seterusnya melakarkan rekod

bersih tanpa kalah.

Pada perlawanan kedua menentang Brunei di Stadium Juara Bukit Kiara itu menyaksikan Malaysia mudah menguasai suku pertama apabila mendahului dengan jaringan 18 berbalas 9.

Rentak permainan skuad negara terus konsisten pada suku kedua apabila melebarkan penguasaan untuk mendahului perlawanan 13 mata.

Memasuki babak ketiga, ketinggian yang dimiliki barisan pertahanan iaitu Siti Fatimah Mustafa yang beraksi di posisi GK (gol keeper) dan Noramirah Dayan Noor Azhar GD (gol defend) nyata memberi kelebihan untuk mengawal kubu negara dan menguasai perlawanan 47-21 seterusnya menamatkan perlawanan dengan kelebihan 37 mata.

